

10 JUL 2000

UMNO AKAN TUBUH PASUKAN PUTERI UNTUK TARIK GOLONGAN MUDA

PUTRAJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno hari ini bersetuju pada prinsipnya untuk menubuhkan pasukan Puteri Umno bagi menarik minat lebih ramai golongan muda menyertai parti.

Persiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pasukan itu nanti akan dipimpin serta dianggotai oleh wanita yang berumur 40 tahun ke bawah.

"Oleh kerana telah mendapat persetujuan MT, perlembagaan Umno akan dipinda bagi penubuhan pasukan itu," katanya pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di kediamannya di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata minat golongan muda untuk menyertai Umno memang ada tetapi memandangkan kepimpinan dalam Wanita Umno yang terdiri daripada mereka yang sudah berusia telah menyebabkan golongan muda merasa agak kurang selesa untuk menyertai pergerakan itu.

Beliau berkata perlembagaan Umno akan dipinda secepat mungkin bagi membolehkan penubuhan pasukan itu.

-- BERNAMA

AKT RHM